

PELITA BRUNEI

AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGERI BRUNEI

DI-TERBITKAN PADA TIAP2 HARI RABU

TAHUN 12 BILANGAN 37 RABU 13 SEPTEMBER, 1967. 1387 رابو 8 جمادي الاخير PERCHUMA

Y.T.M. PG. MUDA MAHKOTA BERANGKAT KA-LONDON



Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota dengan di-iringi oleh Yang Berhormat Pemangku Menteri Besar, Pengiran Dato Seri Paduka Haji Md. Yusof menuju ka-barisan pegawai2 kanan Kerajaan, ahli2 yang berhormat dan orang2 kenamaan untuk berjabat salam sa-belum berangkat ka-kapal terbang yang akan membawa Yang Teramat Mulia itu dengan rombongan dalam perjalanan ka-London.

BANDAR BRUNEI. — Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah dan isteri-nya Yang Teramat Mulia Duli Pengiran Isteri Anak Saleha telah berangkat ka-London pada hari Khamis yang lalu.

Kedua2 Yang Teramat Mulia itu telah di-temani oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamad Bolkiah, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Masnah dan suami-nya Yang Amat Mulia Pengiran Muda Abdul Rahman.

Yang Teramat Mulia dan adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Muda Mohamad Bolkiah telah berangkat pulang ka-tanah ayer pada 30 Julai kerana berchuti pendek.

Mereka berangkat ka-United Kingdom untuk meneruskan pelajaran.

Semasa berada di-negeri ini, Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah telah menyaksikan pesta2 sambutan yang di-adakan untuk merayakan perkahwinan di-antara adinda-nya Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain dengan Yang Amat Mulia Pengiran Anak Mohamad Yusof.

Yang Teramat Mulia telah

juga meletakkan batu asas bagi pembenaan bangunan Pusat Belia yang berharga dua juta ringgit di-Bandar Brunei.

Di-antara mereka yang berada di-lapangan terbang untuk mengucapkan selamat belayar kepada Yang Teramat Mulia itu ia-lah Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli2 Wazir, che-teria2, Pemangku Menteri Besar, Pemangku Setia Usaha Kerajaan, Ahli2 yang berhormat dari majlis2 mashuarat, ketua2 jabatan serta pegawai2 pentadbiran Brunei.

Mufti kerajaan, Tuan Haji Ismail bin Omar Abdul Aziz telah membaca do'a selamat bagi perjalanan Yang Teramat Mulia dan rombongan-nya.

Bayaran bagi berita akhbar melalui telegram

BANDAR BRUNEI. — Mulai 11 September yang lalu, Brunei telah menyelaraskan tingkatan bayaran pengiriman berita2 akhbar melalui telegram, bagi negara2 Commonwealth.

Pengawal Telikom, Awang Parrot berkata, penyelarasan itu tidak termasuk Malaysia, Singapura dan Pulau Krismis.

Tingkatan bayaran baru bagi semua negara2 Commonwealth ia-lah bagi berita2 akhbar kiriman biasa 10 sen tiap2 satu perkataan.

Berita akhbar kiriman segera 40 sen tiap2 satu perkataan.

Bilangan perkataan yang sa-habis rendah untuk mengirim berita2 akhbar menerusi telegram ia-lah sa-banyak 14 perkataan.

PERSEDIAAN SAMBUTAN PERAYAAN SA-NEGERI BAGI HARI KEPUTERAAN D.Y.M.M. TAHUN INI

BANDAR BRUNEI. — Jawatankuasa Sambutan Perayaan Hari Ulang Tahun Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bagi daerah Brunei Muara, akan mengadakan 22 acara dalam perayaan itu.

Perayaan2 akan di-mulakan dengan rasmi-nya pada 23 September, dengan satu upacara perbarisan kehormatan di-padang besar Bandar Brunei.

Duli Yang Maha Mulia akan berangkat menerima tabek kehormatan dan mereksa barisan kehormatan oleh pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei, Pulis Di-Raja

dan Askar Gurkha Rifle.

Pesawat2 helicopter Askar Melayu Di-Raja Brunei akan terbang lalu, apabila perbarisan sedang ranchak.

Turut mengambil bahagian dalam perbarisan ia-lah tujuh buah pertubohan2 awam yang meliputi kaki tangan Jabatan Laut yang beruniform; Kastam; pasukan Bomba; Palang Merah; Pengakap dan Pandu Puteri serta Pasukan Boys Brigade.

Pasukan Pancharagam Pulis dan Askar Melayu Di-Raja, akan bergabung dalam upacara perbarisan, sementara tembakan kehormatan akan di-lepaskan oleh pasukan Pulis

Di-Raja.

Di-DAERAH BELAIT, persiapan2 kerana menyambut ulang tahun hari keputeraan Duli Yang Maha Mulia Maulana Al-Sultan, sedang berjalan lancar.

Sa-tengah dari pembenaan pintu2 gerbang hampir siap, sementara latihan bagi pertunjukkan2 kesenian dan tarian budaya, juga di-jalankan.

Pertandingan terek kalat, sabagai satu daripada acara-nya telah di-mulakan pada peringkat permulaan, sa-lain dari la-tehan2 sa-chara tetap yang di-adakan oleh sa-kurang2-nya dua pasukan, dengan (Lihat Muka 8)

PERARAKAN DI-AYER SG. BELAIT BAGI MOTOBOT2 DAN PERAHU BERTERHIAS

KUALA BELAIT. — Motobot2 dan perahu2 berhias akan mengambil bahagian dalam perarakan di-ayer yang akan diadakan di-Sungai Belait pada 25 September sa-bagai sa-bahagian dari acara2 perayaan sambutan di-daerah itu bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ke-51.

Perarakan di-ayer itu akan bermula dari Kelab Motobot Miri-Belait, menuju ka-Tambatan Shell Brunei dan kemudian-nya ka-Tambatan Kastam.

Salah satu dari acara2 meriah dalam perayaan2 sambutan daerah Belait itu ia-lah pertandingan antara pancharagam yang turut di-adakan juga dalam pertunjukan2 aneka warna itu.

Daerah Belait akan merayakan Hari Keputeraan Baginda sa-lama lima hari mulai dari 22 September dengan di-mulakan satu perlumbaan basikal bagi murid2 sekolah dari Seria ka-Kuala Belait.

Sa-orang juruchakap Jawa-

Semaian pokok Pain di-pindah ka-Subok

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hutan telah menjalankan kerja2 mengubah anak2 pokok pain, dari tempat semaian-nya di-Sungai Liang dalam Daerah Belait ka-sebidang tanah perchubaaan seluas 20 ekar di-Subok, dekat Bandar Brunei.

Ia-nya merupakan satu daripada beberapa buah kawasan yang di-pilih untuk menanam pokok pain yang chepat besar, di-bawah ranchangan semula pugar hutan.

Ranchangan tersebut ada-lah bertujuan untuk menanam samula tanah2 yang tidak lagi mengandongi pokok2 kayu yang berguna, menchegeh dan menyuburkan tanah, serta menjamin bekalan kayu balak yang tetap untuk perdagangan.

Kawasan perchubaaan pertama jabatan hutan yang ditanam dengan pokok2 pain di-Sungai Liang, di-usahakan dalam tahun 1960, dan pokok2 pain di-situ sekarang ini telah memanjang sa-tinggi hampir 20 kaki.

Bom Jepun di-ledakkan

BANDAR BRUNEI. — Pasokan pemusnahan bom Gurkha baru2 ini telah meledakkan sa-butir bom Jepun yang lama dalam masa perang dulu dekat kawasan klinik haiwan di-Jalan Berakas, Bandar Brunei.

Letupan bom tersebut telah menggempakan jendela2 rumah dalam lengkungan suku batu.

Bom itu telah di-jumpai oleh pekerja2 yang bekerja di-kawasan tersebut.

tankuasa Pertunjukan Aneka Warna menyatakan Pancharagam2 yang ingin memasoki pertandingan tersebut mestilah mengisi borang2 permohonan yang di-sediakan.

Borang2 itu boleh di-dapati dari Setiausaha, di-alamatkan Studio Radio Brunei, Kuala Belait dan mestilah tiba kepada-nya tidak lewat dari pukul 4-00 petang, 12 September.



Gambar atas ia-lah bangunan baru Balai Polis di-Sengkurong bagi menggantikan bangunan lama (di-kanan sekali). Bangunan ini di-bena dengan bentok yang moden. Sa-lain dari bangunan ini, di-bena juga sa-direkt bangunan berek yang letak-nya di-belakang bangunan Balai Polis itu.



Gambar atas menunjukkan kerja2 meruboh bangunan Istana Yau-Mil-Hapidz-Dunya (Istana Parit) ia-itu bekas Istana Al-Marhum Duli Yang Maha Mulia Sultan Ahmad Tajuddin, Sultan Brunei yang ke-27. Tapak bangunan ini ia-lah bagi menempatkan pembenaan2 yang di-bawah ranchangan Jabatan Hal-Ehwal Ugama. Berdekatan dengan bangunan lama ini ia-lah bangunan asrama penuntut2 Sekolah Menengah Arab Perempuan Pengiran Anak Damit yang sedang dalam pembenaan.

KERJA2 MENYIASAT ADA-NYA MINYAK DI-JALANKAN DI-PERAYERAN BRUNEI DAN SARAWAK

KUALA BELAIT. — Pelantar Pengorek Bergerak SEDCO 135A yang telah tiba di-perayeran Brunei dari Sarawak pada awal minggu lalu, sedang menjalankan kerja mengorek sa-buah telaga untuk menilai kandungan minyak di-satu tempat barat daya Ampa, tujuh batu dari pantai Kuala Belait.

Telaga itu ia-lah yang ke-35 dalam kawasan barat daya Ampa itu, di-jangka menchapai sa-dalam kira2 7,000 kaki.

Sharikat Minyak Shell Brunei telah di-berikan hak untuk menchari dan melombong sumber2 minyak di-pelantar benua negeri ini.

Sa-lain dari mengorek telaga minyak di-barat daya Ampa, satu penyiasatan "Sparker" untuk menchari minyak sedang di-jalankan oleh sa-buah sharikat Jerman, Prakla Sesimological Company dekat pantai Brunei, di-dalam perayeran pelantar benua bagi pehakh Sharikat Minyak Shell Brunei.

Padang minyak barat daya Ampa telah di-jumpai dalam bulan Julai tahun 1963 dan perkembangan padang minyak tersebut sejak itu telah membawakan hasil pengeluaran minyak Brunei yang berkurangan ketika itu kepada 100,000 barel sa-hari pada masa ini.

Pelantar Pengorek bergerak tersebut akan berada di-perayeran Brunei sa-lama suatu masa yang tidak di-tetapkan.

Ketika mejalankan tugas mengorek, ia-nya akan ber-

laboh dengan menggunakan sembilan buah sauh yang kelihatan jelas memanjang keluar sa-jauh kira 2,000 kaki dari kelengkapan pelombong itu. Tiap2 sauh akan di-tandakan.

Kelengkapan jentera itu terletak kira2 280 kaki dari permukaan ayer dan akan diterangi dengan lampu2 di-malam hari.

Pelaut2 yang terpaksa belayar berhampiran dengan jentera itu di-ingatkan supaya belayar dengan berhati2 dan perlahan2.

102 ORANG ANGGOTA ASKAR MELAYU DI-RAJA JALANI LATEHAN PERANG HUTAN DI-K. TINGGI

BANDAR BRUNEI. — Sa-ratus orang anggota Askar Melayu Di-Raja Brunei telah berlepas ka-Malaysia Barat pada hari Juma'at lepas untuk menjalani latehan perang hutan sa-lama tiga minggu di-Sekolah Perang Hutan dekat Kota Tinggi di-Johore.

Mereka ada-lah terdiri dari seluruh anggota "B" Kompeni dan mereka telah memulakan latehan pada 11 September.

Mereka berlepas dalam tiga kumpulan. Kumpulan pertama sa-ramai 40 orang yang diketuai oleh Warrant Officer Emran bin Jaluddin dan Kumpulan kedua di-ketuai oleh Letnan Muda Shari bin Ahmad. Sementara kumpulan ketiga di-ketuai oleh Kapitan Yusof bin Mohammad Said.

Kumpulan itu ada-lah yang terbesar sekali pernah di-hantar ka-Kota Tinggi bagi menjalani latehan sa-umpama itu.

Mereka akan menyertai 30 orang anggota Askar Melayu Di-Raja Brunei yang lain, yang sudah pun berada di-Kota Tinggi yang di-ketuai oleh Kapitan H. N. Houghton.

Kumpulan yang di-ketuai oleh Kapitan Houghton itu telah berlepas ka-Kota Tinggi pada 1 September untuk mengurus tentang tempat tinggal bagi seluruh anggota kompeni itu dan mengurus hingga selesai tentang peratoran2 latehan dan pentadbiran dengan pehak yang berkuasa sekolah latehan itu.


Sa-orang juruchapak bagi Askar Melayu Di-Raja berkata, semasa latehan mereka itu akan di-ketuai oleh Major M. D. M. Wilson dari pasukan tersebut.

Latehan itu ada-lah untuk memberi tiap2 anggota kompeni itu untuk memperolehi pengetahuan tentang chara2 perang hutan.

Juruchapak itu berkata sa-

lepas anggota "B" Kompeni tamat latehan dan pulang ka-tanah ayer, anggota "C" kom-

peni pula akan di-hantar ka-Kota Tinggi untuk menjalani latehan yang sama.



Pembinaan sa-buah kolam mandi yang moden di-Brunei sedang berjalan dengan lancar-nya pada masa ini di-Jalan Berakas, Pemangku Pesuruhjaya Kemajuan, Awang Zakaria telah menyatakan baru2 ini bahawa beliau2 yang chenderong dan ingin memperkenalkan diri di-lapangan berenang antara bangsa, ko-

lam itu nanti akan dapat di-gunakan untuk berlateh dan belajar berenang. Ukuran ko am bernang ini ada-lah menurut ukuran olimpik dan apabila siap nanti bo'eh di-gunakan untuk mengadakan perlawanan bernang antara bangsa. Gambar atas ia-lah sa-bahagian daripada pemandangan di-kolam tersebut.

Pepereksaan kelas dewasa bukan Melayu

BANDAR BRUNEI. — Pengelola Pelajaran Dewasa Melayu, Awang Umar bin Mohammad telah menentukan 13, 14 dan 15 November bagi Pepereksaan Kelas Dewasa bagi orang bukan Melayu.

Pepereksaan itu ia-lah bagi permulaan, tingkatan Satu, Dua dan Tiga.

Tiga buah pusat pepereksaan telah di-pilih, ia-itu Sekolah Melayu Pusu Ulak di-Bandar Brunei, Sekolah Melayu Ahmad Tajuddin di-Kuala Belait dan Sekolah Melayu Muhammad Alam di-Seria.

Chalun bagi peringkat permulaan dan Tingkatan Satu akan di-pereksa dalam tulisan Rumi dalam bacaan, ranchana, karangan, menulis surat dan soal jawab mulut.

Bagi Tingkatan Dua dan Tiga chalun2 akan di-pereksa dalam tulisan Jawi dan Rumi dalam bacaan dan ranchana. Sa-lain dari soal jawab mulut mereka juga akan membuat karangan dan menulis surat.

Permohonan hendak-lah dibuat dalam borang2 tertentu dan di-hantar melalui guru masing2 sa-belum 20 Sept. ini.

Pemimpin pengakap beri laporan tentang jambori di-Amerika

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pengakap Daerah Brunei telah berhimpun di-ibu Pejabat Pengakap Negeri Brunei di-Jalan Sinuai pada petang Sabtu yang lalu.

Perjumpaan itu telah mendengar laporan dari Pesuruhjaya Penyusun Pengakap Ak. Tajuddin bin Pgn, Ahmad dan Penulong Pesuruhjaya Pengakap Daerah Tutong, Awang Metamit bin Iradat mengenai lawatan mereka ka-Amerika Sharikat baharu2 ini.

Pesuruhjaya Penyusun dan Penulong Pesuruhjaya Daerah telah menghadhiri Jambori sa-Dunia di-Idaho dan kemudiannya hadir di-persidangan pengakap sa-dunia.

Sementara itu, pengakap2 di-negeri ini semakin banyak menggunakan bahasa Melayu dalam aktiviti2 mereka.

Persatuan Pengakap Daerah Belait telah membuat pesanan buku2 pengakap dalam bahasa Melayu kepada kedai Pengakap Malaysia di-Kuala Lumpur.

PERLAWANAN TENIS TIGA WILAYAH

KUALA BELAIT. — Jawatankuasa Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan bagi Daerah Belait telah memasukkan pertandingan tennis antara-wilayah2 Borneo dalam pesta2 sambutan di-daerah itu.

Pemain2 dari Sarawak, Sabah dan Brunei akan mengambil bahagian dalam pertandingan yang di-jadualkan berlangsung pada penghujung minggu mulai 22 September, bertempat di-gelanggang SRC, Seria.

Pertandingan yang di-anjurkan oleh Persatuan Tennis Brunei ia-lah untuk merebut sa-buah piala, hadiah dari Persatuan Tennis Sarawak yang mana pada tahun lalu di-menangi oleh Sarawak.

Daerah Belait adakan pertunjukan kasihatan kanak2

KUALA BELAIT. — Pertunjukan kasihatan kanak2 akan merupakan sa-bagai salah satu acara yang menarek dalam perayaan di-Kuala Belait kerana menyambut Hari Puja Usia Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ke-51.

Pertunjukan ini ada-lah terbuka kepada semua kanak2 yang tinggal dalam Daerah Belait dan berumur di-antara 6 bulan hingga 24 bulan dan terbahagi kepada dua bahagian ia-itu: —

Bahagian "A" — bagi kanak2 yang berumur dari 6 bulan hingga 12 bulan.

Bahagian "B" — bagi kanak2 yang berumur dari 13 bulan hingga 24 bulan.

Ibu bapa yang ingin hendak memasukkan anak2 mereka untuk menyertai pertunjukan ini hendak-lah mendaftarkan anak2 mereka itu di-Klinik2 Kesihatan Kerajaan di-Seria

dan Kuala Belait mulai dari sekarang.

Bagi anak2 yang tidak pernah di-rawati dan di-jaga di-klinik2 Kerajaan akan di-kehendaki membawa surat2 keterangan berikut apabila membuat pendaftaran: —

- (a) Surat Beranak (Birth Certificate).
 - (b) Berat dan tinggi kanak2 itu waktu lahir (weight and length at birth).
 - (c) Sijil2 suntikan penchegah penyakit2 (Records of vaccination and inoculations).
- Pendaftaran akan di-tutup pada jam 4 petang, 18 September, 1967.

13 September, 1967

Baja Perchuma

SATU lagi langkah yang diusahakan oleh Kerajaan dalam usaha menambahkan penghasilan beras di-negeri ini ialah membekalkan baja dengan perchuma kepada peladang2 di seluruh negeri.

Umum telah pun mengetahui dan peladang2 sendiri tentu-lah lebih mengetahui tentang hasil-nya bila kita menggunakan baja kepada apa jua jenis tanaman, maka sudah barang tentu hasil yang di-dapati itu lumayan juga dari segi ekonomi dan lebih menguntungkan pula dari hasil pengeluaran yang bertambah itu.

Maka itu, Kerajaan tidak ragu2 untuk mengeluarkan peruntukan sa-banyak \$100,000.00 kerana membeli baja tersebut—peruntukan yang boleh di-katakan besar jumlah-nya.

Hal ini dapat-lah kita sifatkan bahawa jalan sudah terbentang di-hadapan kita, hanya menunggu kita memulakan langkah perjalanan saja lagi — apakah kita akan terus berjalan atau sa-balek-nya.

Kekurangan beras di-Negeri Brunei memang-lah kita sama2 menyedari-nya dan keadaan itu terpaksa kita tempoh dan kita sama2 melalui-nya. Penolong Menteri Pertanian pernah berkata tentang hal ini dan beliau menyuarakan yang berbau pertanyaan bahawa "apakah kita akan sa-lama2-nya mengharapkan bekalan beras dari luar negeri".

Dari sini kita dapat-lah mengetahui bahawa sa-memangnya menjadi harapan Brunei bahawa kita harus membekalkan beras dengan sa-chukup2nya untuk keperluan kita sendiri dengan tidak mengharapkan pada negeri luar seperti yang berlaku sekarang.

Apa yang berlaku dewasa ini memang-lah tidak dapat di-elakkan dan dalam pada itu Kerajaan tidak jemu2 dan dengan penuh ketabahan telah mengadakan perhubungan demi perhubungan untuk memesatkan rancangan pertanian di-negeri ini yang bukan hanya terkhas kepada padi saja, bahkan meliputi kepada lapangan2 pertanian yang lain.

Mengadakan satu2 rancangan itu sering di-katakan sebagai satu perkara di-anggap tidak begitu susah, tetapi pelaksanaan rancangan2 itu tidak semua-nya menghadapi sukses yang besar yang puncha-nya dari beberapa perkara, termasuklah soal "tenaga penggerak" bagi pelaksanaan-nya.

Dewasa ini telah tertubuh persatuan2 peladang yang ahli2nya menchapai kepada angka ribu dan rancangan pemberian baja dengan perchuma itu adalah di-tujukan kepada peladang2 itu sendiri bagi melancarkan satu rebolusi penanaman padi yang lebih berkesan dan mendapatkan penghasilan yang lumayan.

Maka dengan ujud-nya rancangan itu seperti selalu-nya timbul-lah harapan agar supaya akan menchapai ka-kamunchak sukses yang besar dan berfaedah.

Peranan filem dalam jurusan penerangan memberi kesan yang lebih baik

MEMANG-LAH tidak dapat di-sangkal lagi bahawa penerangan menerusi filem amat memberi kesan. Menerusi filem, orang akan menangis, menerusi filem orang akan ketawa dan menerusi filem juga orang akan sadar dan insaf.

Tetapi, menerbitkan sa-buah filem ada-lah jauh lebih rumit daripada mempersembahkan sa-buah drama pentas. Kerja2 pembikinan sa-buah filem, terutama yang berchorak masharakat, memerlukan masa yang agak panjang, tenaga yang lebih banyak, perbelanjaan yang lebih besar, pengalaman yang lebih tinggi, dan perhatian yang lebih teliti.

Kira2 enam bulan yang lalu, tersiar berita2 di-radio dan surat khabar bahawa Jabatan Hal Ehwal Ugama akan menerbitkan sa-buah filem yang berchorak masharakat dan berthematik ugama, dengan perbelanjaan sa-besar \$140,000.00.

Sa-rentak dengan itu, Jabatan Hal Ehwal Ugama mengeluarkan pengumuman untuk mencari pelakon2 tempatan yang akan menjayakan filem tersebut yang bernama "Gema Dari Menara".

Di-antara anak2 muda yang memohon itu tidak kurang juga yang mempunyai pengalaman berlakon dalam lapangan drama seperti drama pentas dan radio dan tentu-nya tidak ada yang berpengalaman berlakon dalam lapangan filem.

Ujian2 berlakon atau Screen Test telah di-jalankan ka-atas pemohon2 ini dan hasil-nya beberapa orang telah berjaya untuk memegang peranan2 yang di-perlukan oleh watak2 dalam GEMA DARI MENARA ini.

Sekarang penggambaran filem ini sedang giat di-laksanakan siang dan malam. Bakat2 tempatan mula menempa sejarah baru.

Mereka berhadapan dengan lensa kamera. Sa-tiap gerak geri, senyum dan tangis, di-soroti lensa kamera, lantas tergolong dalam lilitan filem "Gema Dari Menara". Dalam gulungan2 filem ini, lakonan tersusun, dan nanti akan di-proses hingga dapat gambar2 itu di-gerakan oleh jentera projector di-layar2 perak, yang mana nanti "Gema Dari Menara" akan di-tonton oleh ratusan ribu biji mata.

Apakah yang akan kita tonton? Dalam menonton "Gema Dari Menara", kita bukan saja bangga melihat bakat2 tempatan, tetapi yang penting-nya kita dapat mengenal garisan sempadan antara burok dan baik, suchi dan kotor, berseh

dan keji. Satu pembentangan kesah masharakat berteras ugama guna memberi perbandingan hidup pada siapa yang ingin melalui jalan lurus dan lorong bahagia.

Sementara itu, dalam "Gema Dari Menara" bergayut juga adigan2 permainan judi, khalwat dan shurga malam "Night Club". Orang2 yang suka berjinak2 dengan semua-nya itu akan di-gambarkan dalam adigan2 yang menunjukkan aki-



Akhir-nya Ibu menyedari betapa-buduh-nya membiarkan anak2 supaya memilih jalan sendiri tanpa panduan dan ajaran yang sa-perlu-nya.



Jamaliah Abu, sa-orang pekerja di-Filem Negara Malaysia telah di-beri peranan sa-bagai Noriah dalam filem "Gema Dari Menara". Noriah ia-lah sa-orang gadis yang lincah yang terpengaruh dengan desakan kemodenan yang melampau sa-hingga menjadikan diri-nya sa-orang gadis yang telah rosak moral-nya.

bat2 yang di-tanggung-nya.

Sesuai dengan tujuan suchi Jabatan Hal Ehwal Ugama untuk memimpin masharakat ka-jalan yang di-redhai Allah, maka usaha mengadakan filem yang serupa ini, tentu-lah akan di-sambut baik oleh masharakat.

Zaman filem dan television tentu-lah barangkali lambat laun akan di-tiup juga oleh angin kemajuan ka-negara kita ini. Maka dengan itu, pembikinan "Gema Dari Menara" banyak memberikan sumbangan dalam merintis jalan ka-arrah zaman television dan filem di-masa depan. Pertama, sa-chara tidak langsung, beberapa orang pelakon2 tempatan sudah akan mempunyai pengalaman sedikit sa-banyak dalam soal2 menghadapi lensa kamera berhubung dengan pembikinan filem "Gema Dari Menara" itu.

Dan bila tiba masa-nya zaman television menetas di-negara kita ini, sedikit sa-banyak kita sudah mempunyai persediaan. Dan di-samping itu, kita di-fahamkan, sa-orang anak tempatan yang mempunyai pengalaman dalam segi2 penggambaran filem sedang di-perbentukan kepada unit penggambaran filem "Gema Dari Menara" ini. Dan tentu-nya beliau akan dapat memper-tajam pengalaman yang ada. Dan ini semua-nya merupakan persiapan sa-chara tidak langsung ka-arrah menghadapi kemajuan zaman depan.

Satu lagi yang menarek per-



Sa-orang ayah yang tenang yang patoh kepada Ugama, yang berpendapat bahawa pendidikan perl di-semai dengan pengetahuan Ugama di-samping pelajaran2 yang lain. Tetapi kadang2 yah yang tenang ini tundok kepada pendapat isteri-nya.

hatian kita kepada usaha ini ia-lah bahawa cherita filem tersebut di-susun oleh sa-orang anak tempatan, sa-orang pelajar tertinggi di-Kolej Islam Malaya, dan terkenal juga sa-bagai sa-orang sasterawan, yang nama-nya sudah tidak asing lagi bagi kita, ia-itu Awg. Abdul Saman Kahar.

Penulis muda ini menyusun sekerit filem "Gema Dari Menara", bukan saja memaparkan perbuatan2 yang di-larang oleh Ugama Islam, kerana beliau tahu seperti masharakat tahu bahawa judi, minum arak dan khalwat itu memang salah, tidak dapat di-bela2 lagi oleh masharakat malah oleh lawyer sekali pun supaya menjadi tidak salah.

Tetapi dalam karya beliau



Pengiran Umi bte Pengiran Idrus memegang peranan sa-bagai Che' Timah, sa-orang ibu yang mendidik anak2-nya Nordin dan Noriah supaya memilih jalan mereka sendiri yang akhir-nya kedua2 anak itu ternyata salah asoahan.



Abu Bakar Ahmad, Radio Brunei di-serahkan peranan sa-bagai sa-orang ayah yang bersifat tenang sedang di-sergah oleh anak-nya apabila si-ayah menasihatkan-nya supaya berkelakuan sa-baik2-nya agar jangan menchemarkan nama-baik keluarga.



Peranan Azman yang di-pegang oleh Pengiran Abbas (berdiri) ada-lah bersifat sa-bagai anak sulung yang berpendidikan Inggeris yang mempunyai budi pekerti yang sempurna dan mematuhi pada ajaran2 Islam. Sementara peranan Hassan yang di-pegang oleh Haji Tarif (duduk) ada-lah bersifat sa-bagai sa-orang pegawai Ugama yang sering menasihati.



Babak pertengkaran yang terdapat dalam "Gema Dari Menara" yang berpuncha dari kebiadaban Nordin (Haron Haji Hamzah, berdiri) yang mengganggu perundingan antara Hassan (Haji Tarif, kiri) dan Azman, (Pengiran Abbas, kanan). Nordin dan Azman adek beradek yang berlainan karektar, sementara Hassan ia-lah Pegawai Biasa Jabatan Ugama.

PIALA BORNEO:

Brunei hantar 16 orang pemain

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Bola Sepak Amateur Brunei telah memilih 16 orang pemain untuk mewakili negeri ini dalam perlawanan dengan pasukan Sarawak dan Sabah yang akan berlangsung di-Sandakan mulai 15 hingga 17 September.

Perlawanan itu ada-lah kerana merebut Piala Borneo, yang mana pada tahun lalu telah di-menangi oleh Sarawak.

16 orang pemain itu ada-lah pemain2 yang di-pilih dari 22 orang pemain yang mendapat latihan sa-lama sa-bulan oleh Persatuan Bola Sepak Saia-lah di-pilih dari kelab2 Negeri. 13 orang dari mereka

Daerah Brunei/Muara dan yang baki-nya ada-lah pemain2 dari Daerah Belait.

Pemain2 yang di-pilih dari Bandar Brunei ia-lah tiga orang dari Sumbiling, tiga dari PGGMB, tiga dari Belia Berakas, tiga dari Sports Club dan sa-orang dari Pulis.

Mereka yang terpilih itu ada-lah saperti berikut: —

Ali Talip, Ahmad Abol,

Su'ut, Mohammad Noor Mohammad, Zainal Taha, Ariffin Abdul Rahman, Idris Hamid, Suhaili Lani, Mohammad Ismail, Ak. Johari b. Pg. Ahmad, Abd. Rahman Sanif, Zainal Sanif, Abd. Rahim Yusof, Frankie Ho, J. Liew dan Manan.

Pemain2 tersebut di-jangka akan bertolak dari Brunei pada 14 September.

MAKTAB AAC MENANG PERISAI INTERNATIONAL PAINTS

Pasukan Maktab Anthony Abell Seria telah mengalahkan pasukan Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin, Bandar Brunei dengan satu gol tidak berbalas dalam satu perlawanan peringkat akhir yang telah di-adakan di-padang KBRC pada minggu lalu untuk merebut perisai yang telah di-hadiahkan oleh International Paints (O.T.C.) London.

Gambar bawah kelihatan kedua2 pasukan itu bergambar ramai sa-belum perlawanan di-mulakan.



SOKAN PANDU PUTERI

BANDAR BRUNEI. — Persatuan Pandu Puteri telah mengadakan temasha sokan tahunan-nya yang telah berlangsung di-padang SMJA pada hari Sabtu lepas.

Lebih dari 400 orang Pandu Puteri dan Brownies telah mengambil bahagian di-temasha tersebut.

Sa-banyak 19 perlawanan sokan telah di-pertandingkan. Satu acara yang menarik dalam temasha pada petang itu ia-lah perlawanan tarek kalat di-antara pemimpin2 pandu puteri Daerah Brunei dengan pemimpin2 pandu puteri Daerah Belait.

Temasha sokan itu telah di-akhiri dengan satu perbarisan kehormatan, oleh pandu2 puteri.

Hadiah2 telah di-sampaikan oleh Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain.



Satu perlawanan yang menarik hari ia-ian perlawanan tarek kalat di-antara pemimpin2 pandu puteri daerah Brunei dan Belait. Dalam gambar di-atas kelihatan pemimpin2 pandu puteri daerah Brunei sedang menarik kalat dengan sa-kuat tenaga dalam perlawanan tersebut. Keputusan-nya daerah Brunei telah menang perlawanan itu.

Perlawanan tarek kalat Hari Keputeraan D. Y. M. M. di-Kuala Belait

KUALA BELAIT. — Perlawanan tarek kalat ada-lah salah satu acara bagi menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan yang ke-51 bagi Daerah Belait.

Dalam perlawanan yang pertama yang telah di-langsungkan di-Kuala Belait dalam minggu lalu, Lorong Lima telah mengalahkan Kastam dan Jabatan Kerja Raya mengalahkan Pasukan Pulis Penchegeh Rusohan.

Dalam perlawanan yang di-langsungkan pada hari Sabtu yang lalu, Kelab India telah mengalahkan Bandaran "B" dan Persatuan Kadazan telah mengalahkan Bukit Sawat.

Usol bagi mengganti jambatan di-Sungai Bera yang ada sekarang

KUALA BELAIT. — Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh telah berjaya mengemukakan satu usol untuk membina sa-buah jambatan yang tetap menyeberangi Sungai Bera di-Seria, dalam sidang Mashuarat Daerah Belait yang berlangsung pada hari Rabu lepas.

Sidang Majlis Mashuarat Daerah itu, di-adakan di-bilik persidangan Pejabat Daerah dengan Pegawai Daerah, Pengiran Momin bin Pengiran Haji Ismail selaku pengerusi-nya.

Awang Zainal Abidin berkata, jambatan yang ada sekarang ada-lah tidak luas dan merbahaya. Lalu lintas sekarang ini sa-makin bertambah

sejak beberapa tahun baru2 ini.

Usol tersebut memohon majlis supaya bersetuju untuk menasihatkan Pegawai Daerah menyegerakan Pembinaan sa-buah jambatan yang tetap dan semporna menyeberangi Sungai Bera untuk menggantikan jambatan sempit yang ada sekarang ini.

Jambatan yang ada sekarang ada-lah dari jenis Bailey, dibina oleh Sharikat Minyak Shell Brunei kerana sistem jalan raya di-Seria sa-masa itu ada-lah di-bena dan di-selenggarakan oleh sharikat tersebut.

Sejak dari itu, sharikat minyak Shell telah menyerahkan penyelenggaraan jalan raya Seria/Kuala Belait serta jambatan itu kepada Kerajaan.

Jawatan-Jawatan kosong

SA-BAGAI PENTERJEMAH INGGERIS/MELAYU

PERMOHONAN2 ada-lah di-pelawa bagi memenohi jawatan sa-bagai Penterjemah Inggeris/Melayu dalam Perkhidmatan Kerajaan Brunei.

KELAYAKAN2:

Pemohon2 mesti-lah bangsa Melayu, dan telah lulus Sijil Persekolahan Seberang Laut, dan lulus sekurang2-nya darjah VI Sekolah Melayu. Chalun2 hendak-lah boleh membacha dan menulis tulisan Jawi.

GAJI:

Gaji bagi jawatan ini ia-lah di-dalam tingkatan \$380x20 - 480/EB/500x20 - 620 sa-bulan atau dalam tingkatan \$660x30 - 900 sa-bulan. Tingkatan gaji yang di-pakai dan gaji permulaan akan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

SHARAT2 LANTEKAN:

Chalun2 yang bukan dari ra'ayat DYMM Al-Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perhubungan selama 6 bulan yang pertama. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama.

BAKSIS:

Baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap bulan genap berkhid-

mat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

CHUKAI PENDAPATAN:

Pada masa ini tidak ada Chukai Pendapatan di-kenakan di-Brunei.

Butir2 mengenai syarat2 perkhidmatan boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 akuan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 27 September, 1967.

SA-BAGAI BAILIP TANAH

PERMOHONAN2 ada-lah di-jemput daripada Pegawai2 Kerajaan yang berjawatan tetap untuk memenohi dua jawatan sa-bagai Bailip Tanah di-Pejabat Tanah, Daerah Brunei.

Pemohon2 mesti-lah dari ra'ayat DYMM Al-Sultan atau yang berhak di-daftarkan sedemikian.

GAJI:

Dalam sukatan gaji D 1 - 2 - 3 EB4 - \$210x10 - 270x15 - 360x20 - 480/EB/500x20 - 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

KELAYAKAN2:

Hanya mereka yang mempunyai kelayakan2 yang tersebut di-bawah ini di-kehendaki memohon:—

Lulus darjah VII Melayu dan Form III Inggeris. Keutamaan akan di-beri kepada mereka yang mempunyai pengalaman selama seku-

rang-nya 3 tahun dalam kerja2 tanah.

Permohonan2 hendak-lah di-hantar melalui Ketua2 Pejabat masing2 siapa di-kehendaki menghantar laporan2 sulit mengenai pemohon2 barsama2 dengan satu Chatetan Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan2 yang mesti-lah di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-perolehi daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 20 September, 1967.

PASAR RIA

BANDAR BRUNEI. — Majlis Perkhidmatan Masyarakata Daerah Belait akan mengadakan pasar ria, kerana mengutip derma bagi Asrama Orang2 Tua di-Seria.

Pengurus Majlis Dato P. A. Coates berkata, pasar ria itu akan di-adakan dari 25 hingga 29 September.

Majlis Perkhidmatan Masyarakata tersebut, turut memberikan bantuan kewangan kepada fakir miskin.

Dalam bulan Ogos yang lalu, majlis tersebut telah mengeluarkan peruntukan sa-banyak \$569.80 sen, sa-bagai bantuan kepada orang ramai dan memberikan derma sa-banyak \$50 kepada Lembaga Membakar Mayat Orang2 Hindu.

HARI PELADANG

KUALA BELAIT. — Hari Peladang di-daerah Belait, buat sementara ini di-tetapkan akan di-adakan pada 23 September, dan pertunjukkan-nya mungkin berjalan hingga 25 September.

Pertunjukkan itu ada-lah terbuka, dengan syarat barang2 yang di-pamerkan itu ada-lah keluaran setempat dan tidak di-bawa masuk dari luar negeri.

Permohonan untuk mengambil bahagian dalam pertunjukkan itu hendak-lah di-buat terlebih dahulu, di-alamatkan kepada Setiausaha Hari Peladang Jabatan Pertanian, Kuala Belait.

Peraduan membacha Koran sambutan turun-nya Kitab Suchi itu

BANDAR BRUNEI. — Jabatan Hal Ehwal Umma akan mengadakan pertandingan membacha Al-Koran, ia-itu sa-bahagian dari acara2 dalam perayaan kerana menyambut ulang tahun hari Nuzul Koran yang ke-1,400 dalam bulan Ramdzan yang jatuh dalam bulan Disember ini.

Sa-orang juruchakap jabatan uuma berkata, pertandingan

akan di-mulakan pada peringkat daerah dan peserta lelaki dan perempuan dalam bulan November.

Bagi peserta lelaki hendak-lah berumur ka-atas 18 tahun, sementara perempuan ka-atas 14 tahun.

Mereka juga di-kehendaki menjadi penduduk dalam daerah yang akan mereka berunding, mulai satu Ogos.

Empat orang chalun, dua lelaki dan dua perempuan yang berjaya dalam peraduan daerah Brunei/Muara, dan tiga orang chalun, sa-orang daripada-nya perempuan, akan mewakili daerah masing2 ka-pertandingan peringkat seluroh negeri, dalam bulan Disember.

*Gunakan-lah Bahasa
Melayu*

Mahasiswa Brunei jurusan Bahasa

Tujuh orang mahasiswa Brunei dalam jurusan pengajian Bahasa di-Universiti Malaya telah mengadakan lawatan ka-beberapa tempat yang penting di-Malaysia Barat dalam masa percutian penggal pertama yang lalu. Mereka telah sempat menemui penuntut2 Brunei di-Kota Bharu, Kelantan dan mengadakan kunjungan ka-Radio dan Television Malaysia dan ka-Maktab MARA. Gambar bawah menunjukkan mahasiswa2 itu bersama2 dengan sa-orang pegawai Television Malaysia ketika mereka me'awat ka-sana.



Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai dari Rabu 13 Sept., 1967 hingga ka-hari Selasa 19 Sept., 1967 ada-lah saperti bi-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
13 Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11	
14 Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11	
15 Sept.	12-22	3-38	6-26	7-39	4-39	4-54	6-11	
16 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-01	
17 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-01	
18 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-01	
19 Sept.	12-21	3-37	6-25	7-38	4-39	4-54	6-01	

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12.45 tengah hari.

SELUROH NEGERI RAYAKAN HARI KEPUTERAAN

D.Y.M.M

(Dari Muka 1)

chara menarek jentera jalan raya.

Menurut Setiausaha Agong Jawatankuasa Sambutan Perayeran di-daerah itu, Awang Salleh bin Hidup, perayaan bagi tahun ini akan bermula pada hari Rabu 20 September hingga 26 September.

Kemunchak dari perayaan itu ia-lah satu perbarisan rasmi, pada 24 September, dan di-ikuti pula pertunjukkan senaman beramai2, pertunjukkan tarian oleh kanak2 sekolah dan lomba perahu.

Satu pertunjukkan kanak2 bayi, juga akan di-adakan di-Kuala Belait dan ia-nya di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu bahagian "A" bagi bayi berumur antara 6 hingga 12 bulan, dan bahagian "B" bagi bayi berumur antara 24 bulan.

Ibu bapa yang ingin bayinya menyertai dalam peraduan itu di-minta supaya mendaftarkan nama2 bayi mereka, di-klinik kesihatan kerajaan di-Seria atau Kuala Belait, tidak lewat 14 September.

Sementara itu bagi peraduan Ratu Hari Keputeraan, peserta2 hendaklah menghantarkan borang2 permohonan kepada Setiausaha-nya, di-alamat Radio Brunei Kuala Belait, sebelum 12 September, dan pertandingan pakaian beragam tidak lewat dari 20 September.

DI-DAERAH TEMBURONG, pada 26 September, 1967 barisan kehormatan akan di-adakan di-Padang Pekan Bangar dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-jadualkan berangkat ka-sana untuk menerima tabek kehormatan.

Peti surat di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Tiga buah lagi peti surat dalam kawasan Bandar Brunei akan di-adakan, bagi kemudahan orang ramai.

Ketika menyatakan demikian, Ketua Pos Agong, Tuan Haji Ali Khan berkata, peti2 surat itu yang akan siap tidak lama lagi. Sa-buah akan di-pasang di-Jalan Ong Sum Ping, sa-buah di-Jalan Gadong dan sa-buah lagi dekat Masjid Omar Ali Saifuddin.

Surat2 dari peti2 surat itu akan di-pungut dua kali sehari ia-itu pada pukul 8 pagi dan 2 petang.

Baru2 ini Jabatan Pos telah memasang tiga peti surat, sa-buah dekat rumah sakit besar, sa-buah di-Sports Kelab dan sa-buah lagi di-Kampung Berangan.

Pada hari yang sama sa-telah upacara perbarisan kehormatan itu segera akan di-langsungkan perlakuan terek kalat antara pasukan Duli Yang Maha Mulia dengan pasukan Daerah Temburong dan sa-telah itu akan di-adakan temasha perlumbaan di-Sungai dan berbagai2 permainan di-ayer.

Temburong akan meneruskan sambutan perayaan itu sehingga 29 September yang di-isikan dengan acara2 pertandingan membaca Al-Kor'an, sokan darat, perarakan tanglong berjalan kaki, malam aneka warna, persembahan kesenian penduduk2 di-sana, perlakuan terek kalat antara mukim2 dan joget moden.

PINTU GERBANG DI-BANDAR BRUNEI

Sementara itu, jawatankuasa pintu gerbang di-Bandar Brunei telah mengeluarkan pengumuman yang meminta supaya pintu2 gerbang kerana perkahwinan Di-Raja yang maseh terdiri pada masa ini supaya me-

ngubah seni kata yang tertulis untuk di-gantikan dengan seni kata yang berhabat dengan Hari Keputeraan Baginda.

Penghakiman susunan senikata dan kechanteakan yang di-olah pada tiap2 pintu gerbang tersebut.

BERCHUCHOL LETRIK DI-BANDAR BRUNEI

Mengenai peraduan berchuchol letrik bagi rumah2 dan bangunan2 bahagian darat, kapada yang ingin mengambil bahagian tidak-lah payah menghantar permohonan mereka.

Rumah2 dan bangunan2 bahagian darat yang akan di-hakimkan ia-lah di-Jalan Muara sampai ka-Batu 8, Jalan Berakas sampai ka-Batu 7, Jalan Gadong hingga ka-batu 2½, Jalan Tutong sampai ka-batu 10, Jalan Subok sa-hingga rumah2 yang ada bekalan letrik dan di-sekitar Bandar Brunei.

Api chuchol hendaklah dinyalakan mulai 22 September sa-hingga 30 September dari pukul 7-00 malam sampai

12-00 tengah malam.

KERETA BERTIAS

Peraduan kereta dan basikal bertias waktu siang di-Bandar Brunei akan di-adakan pada 24 September pada pukul 2-00 petang.

Peraduan itu juga akan di-adakan pada sa-belah malamnya di-sertai dengan peraduan tanglong berjalan kaki.

Peraduan2 tersebut terbuka kapada orang ramai, persatuan2 belia dan kebajikan, maktab2, sekolah2 menengah dan rendah, pejabat2 dan kampong2.


Kapada yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan2 itu bolehlah berurus kapada Pengiran Momin bin Pengiran Damit di-Pejabat Pachen, Bandar Brunei.

Tarikh akhir bagi memasoki peraduan2 itu ia-lah pada 18 September, 1967. Permohonan yang terlewat dari itu tidak akan di-layan.

SOKAN PANDU PUTERI



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain, dalam gambar atas kelihatan sedang menyampaikan piala kapada wakil pasukan pertama Kumpulan Daerah Brunei yang telah berjaya memenangi gelaran yang terbaik dalam peraduan 'kegiatan sa-tahun' bagi pasukan2 Pandu Puteri Sa-Negeri Brunei. Piala tersebut telah di-hadiahkan oleh Pesuruhjaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Norehsan untuk di-rebutkan pada tiap2 tahun.



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Norehsan, Pesuruhjaya Pandu Puteri Negeri Brunei kelihatan sedang membalas tabek kehormatan dari perbarisan pasukan Pandu Puteri seluruh negeri di-temasha sokan pandu puteri yang di-langsungkan di-Padang SMJA, Bandar Brunei pada hari Sabtu yang lalu.



Lt. Muda Ishak

Bekas ketua murid jadi Lt. Muda

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang bekas ketua murid di-Maktab Anthony Abell, Seria telah kembali ka-tanah ayer dari United Kingdom sa-bagai sa-orang pegawai yang bertaualiah dalam Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Beliau ia-lah Ishak bin Haji Abdul Hamid yang telah di-lantek sa-bagai Letnan Muda sa-masa menjalani latihan di-Maktab Tentera Di-Raja Sandhurst.

Letnan Muda Ishak telah memasoki pasukan itu dalam bulan September tahun 1965 tetapi tiga bulan kemudian-nya telah terpilih untuk menjalani satu kursus pegawai kadet di-Maktab Tentera Di-Raja itu.

Ishak telah menerima tauliah-nya dalam satu perbarisan tamat latihan pada 27 Julai sa-telah menamatkan kursus itu dengan jaya-nya.

Beliau telah menjalani latihan di-Sandhurst dengan lain2 pegawai kadet tentera dari negara2 Commonwealth dan sempat melawat Jerman, Perancis dan Scotland sebelum kembali ka-Brunei.

Beliau sekarang memegang jawatan dalam "C" Company, Pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

SELUROH NEGERI RAYAKAN HARI KEPUTERAAN

D.Y.M.M

(Dari Muka 1)

chara menarek jentera jalan raya.

Menurut Setiausaha Agong Jawatankuasa Sambutan Perayeran di-daerah itu, Awang Salleh bin Hidup, perayaan bagi tahun ini akan bermula pada hari Rabu 20 September hingga 26 September.

Kemunchak dari perayaan itu ia-lah satu perbarisan rasmi, pada 24 September, dan diikuti pula pertunjokkan senaman beramai2, pertunjokkan tarian oleh kanak2 sekolah dan lumba perahu.

Satu pertunjokkan kanak2 bayi, juga akan di-adakan di-Kuala Belait dan ia-nya di-bahagikan kepada dua bahagian, ia-itu bahagian "A" bagi bayi berumur antara 6 hingga 12 bulan, dan bahagian "B" bagi bayi berumur antara 24 bulan.

Ibu bapa yang ingin bayinya menyertai dalam peraduan itu di-minta supaya mendaftarkan nama2 bayi mereka, di-klinik kesihatan kerajaan di-Seria atau Kuala Belait, tidak lewat 14 September.

Sementara itu bagi peraduan Ratu Hari Keputeraan, peserta2 hendaklah menghantarakan borang2 permohonan kepada Setiausaha-nya, di-alamat Radio Brunei Kuala Belait, sebelum 12 September, dan pertandingan pakaian beragam tidak lewat dari 20 September.

DI-DAERAH TEMBURONG, pada 26 September, 1967 barisan kehormatan akan di-adakan di-Padang Pekan Bangar dan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Maulana Al-Sultan di-jadualkan berangkat ka-sana untuk menerima tabek kehormatan.

Peti surat di-Bandar Brunei

BANDAR BRUNEI. — Tiga buah lagi peti surat dalam kawasan Bandar Brunei akan di-adakan, bagi kemudahan orang ramai.

Ketika menyatakan demikian, Ketua Pos Agong, Tuan Haji Ali Khan berkata, peti2 surat itu yang akan siap tidak lama lagi. Sa-buah akan di-pasang di-Jalan Ong Sum Ping, sa-buah di-Jalan Gadong dan sa-buah lagi dekat Masjid Omar Ali Saifuddin.

Surat2 dari peti2 surat itu akan di-pungut dua kali sehari ia-itu pada pukul 8 pagi dan 2 petang.

Baru2 ini Jabatan Pos telah memasang tiga peti surat, sa-buah dekat rumah sakit besar, sa-buah di-Sports Kelab dan sa-buah lagi di-Kampung Berangan.

Pada hari yang sama setelah upacara perbarisan kehormatan itu segera akan di-langsungkan perlawanan tarek kalat antara pasukan Duli Yang Maha Mulia dengan pasukan Daerah Temburong dan sa-telah itu akan di-adakan temasha perlumbaan di-Sungai dan berbagai2 permainan di-ayer.

Temburong akan meneruskan sambutan perayaan itu sehingga 29 September yang di-isikan dengan acara2 pertandingan membaca Al-Kor'an, sokan darat, perarakan tanglong berjalan kaki, malam aneka warna, persembahan kesenian penduduk2 di-sana, perlawanan tarek kalat antara mukim2 dan joget moden.

PINTU GERBANG DI-BANDAR BRUNEI

Sementara itu, jawatankuasa pintu gerbang di-Bandar Brunei telah mengeluarkan pengumuman yang meminta supaya pintu2 gerbang kerana perkahwinan Di-Raja yang maseh terdiri pada masa ini supaya me-

ngubah seni kata yang tertulis untok di-gantikan dengan seni kata yang berthabit dengan Hari Keputeraan Baginda.

Penghakiman susunan seni-kata dan kechanteakan yang di-olah pada tiap2 pintu gerbang tersebut.

BERCHUCHOL LETRIK DI-BANDAR BRUNEI

Mengenai peraduan berchuchol letrik bagi rumah2 dan bangunan2 bahagian darat, kapada yang ingin mengambil bahagian tidak-lah payah menghantar permohonan mereka.

Rumah2 dan bangunan2 bahagian darat yang akan di-hakimkan ia-lah di-Jalan Muara sampai ka-Batu 8, Jalan Berakas sampai ka-Batu 7, Jalan Gadong hingga ka-batu 2½, Jalan Tutong sampai ka-batu 10, Jalan Subok sa-hingga rumah2 yang ada bekalan letrik dan di-sekitar Bandar Brunei.

Api chuchol hendak-lah dinyalakan mulai 22 September sa-hingga 30 September dari pukul 7-00 malam sampai

12-00 tengah malam.

KERETA BERTHABIT

Peraduan kereta dan basikal berthabis waktu siang di-Bandar Brunei akan di-adakan pada 24 September pada pukul 2-00 petang.

Peraduan itu juga akan di-adakan pada sa-belah malam-nya di-sertai dengan peraduan tanglong berjalan kaki.

Peraduan2 tersebut terbuka kapada orang ramai, persatuan2 belia dan kebajikan, maktab2, sekolah2 menengah dan rendah, pejabat2 dan kampung2.

Kapada yang ingin mengambil bahagian dalam peraduan2 itu boleh-lah berurus kapada Pengiran Momin bin Pengiran Damit di-Pejabat Penchen, Bandar Brunei.

Tarikh akhir bagi memasoki peraduan2 itu ia-lah pada 18 September, 1967. Permohonan yang terlewat dari itu tidak akan di-layan.

SOKAN PANDU PUTERI



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Nor'ain, dalam gambar atas kelihatan sedang menyampaikan piala kepada wakil pasukan pertama Kumpulan Daerah Brunei yang telah berjaya memenangi gelaran yang terbaik dalam peraduan 'kegiatan sa-tahun' bagi pasukan2 Pandu Puteri Sa-Negeri Brunei. Piala tersebut telah di-hadiahkan oleh Pesuruhjaya Pandu Puteri Negeri Brunei, Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Norehsan untok di-rebutkan pada tiap2 tahun.



Yang Teramat Mulia Pengiran Anak Puteri Norehsan, Pesuruhjaya Pandu Puteri Negeri Brunei kelihatan sedang membalas tabek kehormatan dari perbarisan pasukan Pandu Puteri seluruh negeri di-temasha sokan pandu puteri yang di-langsungkan di-Padang SMJA, Bandar Brunei pada hari Sabtu yang lalu.



Lt. Muda Ishak

Bekas ketua murid jadi Lt. Muda

BANDAR BRUNEI. — Sa-orang bekas ketua murid di-Maktab Anthony Abell, Seria telah kembali ka-tanah ayer dari United Kingdom sa-bagai sa-orang pegawai yang bertauliah dalam Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Beliau ia-lah Ishak bin Haji Abdul Hamid yang telah di-lantek sa-bagai Letnan Muda sa-masa menjalani latehan di-Maktab Tentera Di-Raja Sandhurst.

Letnan Muda Ishak telah memasoki pasukan itu dalam bulan September tahun 1965 tetapi tiga bulan kemudian-nya telah terpilih untok menjalani satu kursus pegawai kadet di-Maktab Tentera Di-Raja itu.

Ishak telah menerima tauliah-nya dalam satu perbarisan tamat latehan pada 27 Julai sa-telah menamatkan kursus itu dengan jaya-nya.

Beliau telah menjalani latehan di-Sandhurst dengan lain2 pegawai kadet tentera dari negara2 Commonwealth dan sempat melawat Jerman, Perancis dan Scotland sebelum kembali ka-Brunei.

Beliau sekarang memegang jawatan dalam "C" Company, Pasokan Askar Melayu Di-Raja Brunei.